

## TARIAN ETNIK KADAZANDUSUN

### Tarian Sumanzau

Tarian ini ditarikan dengan gerakan turun naik seperti burung helang. Ketika menari, tangan dikepakkan dan digerakkan mengikut iringan muzik. Alat muzik yang digunakan ialah kulintangan dan gong.

Tarian ini merupakan salah satu ritual yang ditarikan sebagai tanda kesyukuran berkiat dengan hasil tanaman padi dan menolak malapetaka.

Gerakan tarian ini



adalah lemah gemalai dan secara perlahan-lahan. Pasangan penari lelaki dan penari perempuan akan menari secara berhadapan hadapan dan menggerakkan kaki dengan langkah kecil. Tumit kaki pula diangkat dan diturunkan mengikut rentak muzik.

Perkembangan kini, **Tarian Sumanzau** telah ditarikan semasa upacara rasmi dan majlis keramaian seperti perkahwinan dan menyambut tetamu luar.